

[METHODOLOGY OF DEFINING MAQASID SHARIAH]

METODOLOGI PENDEFINISIAN ILMU MAQASID SYARIAH

ABDUL WAHAB MD. ALI¹
MOHD HAFIZUDDIN AB GHANI¹
WAN MOHD YUSOF WAN CHIK²

¹Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FPUPL)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FPKI)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Email: abdwahabmdali14@gmail.com

Received: 21th December 2022

Accepted: 30th December 2022

Published: 31st December 2022

Abstract

Traditional Muslim scholars have not given a specific definition of Maqasid Syariah. Al-Shatibi, the first master of this field who discussed it comprehensively in a systematic way was also not defined it. As for contemporary Islamic scholars, they have given various definitions regarding Maqasid Syariah, however the definitions given are not much different from each other. Therefore, this study aimed to examine the discussions regarding the definition of Maqasid Syariah. The inductive, deductive and comparative methods were used in this study. Findings show that the variety of terms used in defining Maqasid Syariah is influenced by certain factors; such as the breadth of the Arabic vocabulary that leads to the similar meaning, the isolation of this subject in several scopes of Usul al-Fiqh, and the influence of the writings of traditional Islamic scholars such as al-Juwayni. In summary, this kind of definition is very important because it can provide an initial overview of the scope of the Maqasid Syariah debate and will indirectly reveal the tendencies of certain scholars in debating issues related to Maqasid Syariah.

Keywords: Methodology, Definition, Maqasid Shariah, al-Juwayni

ABSTRAK

Para ilmuwan Islam silam tidak memberikan definisi khusus berhubung Maqasid Syariah. Imam al-Shatibi sendiri yang dikenali sebagai orang pertama yang menulis ilmu ini secara lengkap dan terasing dalam satu bidang ilmu pun tidak memberikan definisi terhadapnya. Para ilmuwan usul terkemudian pula telah memberikan pelbagai definisi berhubung Maqasid Syariah dalam konteks ia sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri namun definisi yang diberikan adalah tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Justeru, kajian ini cuba merungkaikan beberapa perbincangan berhubung definisi dalam ilmu Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif. Kajian mendapati kepelbagaian istilah yang digunakan dalam mendefinisikan ilmu Maqasid Syariah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu seperti keluasan perbendaharaan kata bahasa Arab

yang menjuruskan kepada maksud yang sama, kedudukan ilmu ini secara terasing dalam beberapa ruang lingkup perbahasan usul fiqh dan pengaruh penulisan ilmuwan Islam silam seperti al-Juwayni. Secara rumusannya, pendefinisian sebegini sangat penting kerana ia dapat memberikan gambaran awal skop perbahasan ilmu Maqasid Syariah serta secara tidak langsung akan menzahirkan kecenderungan tokoh-tokoh tertentu dalam membahaskan isu-isu berhubung Maqasid Syariah.

Kata Kunci: Metodologi, Definisi, Maqasid Syariah, al-Juwayni

PENDAHULUAN

الحكم على شيء فرع عن تصوره

Penghukuman terhadap sesuatu adalah cabang daripada tasawur hakikat perkara itu (al-ShirbĒni, 1994)

Ungkapan ini merupakan satu prinsip asas yang sangat penting dalam proses penerokaan dan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Al-JurjĒni (1983) mendefinisikan kalimah ‘tasawur’ dengan makna menghasilkan gambaran terhadap sesuatu pada akal secara tepat manakala al-KafĒwi (1998) pula mengaitkannya dengan maksud ilmu atau pengetahuan. Secara umumnya, kaedah ini menjelaskan tentang kepentingan memiliki tasawur atau gambaran yang tepat dengan ilmu yang mendalam terhadap sesuatu perkara sebelum melaksanakan sesuatu. Ia bertepatan dengan iaitu hanya orang yang benar-benar memiliki kefahaman terhadap sesuatu yang boleh menghukum perkara tersebut pepatah Melayu yang berbunyi ‘alim biasa menghukum syarak’ (Abdullah Hussain, 2017).

Justeru berasaskan kepada kaedah di atas, kajian ini cuba merungkaikan beberapa tasawur berhubung definisi dalam ilmu Maqasid Syariah. Pendefinisian sebegini sangat penting kerana ia dapat memberikan gambaran awal skop perbahasan ilmu Maqasid Syariah serta secara tidak langsung akan menzahirkan kecenderungan tokoh-tokoh tertentu dalam membahaskan isu-isu berhubung Maqasid Syariah.

DEFINISI MAQASID SYARIAH

Maqasid Syariah merupakan dua kalimah bahasa Arab yang membentuk satu istilah yang khusus. Maqasid merupakan kata plural daripada kalimah *maqĒad* yang merupakan *maĒdar mĒmi* kepada kata kerja *qaĒada*, *yaqĒidu*, *qaĒid* (Ahmad ibn Faris, 1969). Ia secara umumnya membawa erti maksud-maksud atau matlamat-matlamat. Dari sudut bahasanya, kalimah *al-qaĒid* mempunyai beberapa pengertian, antaranya (al-YĒbi, 1998):

- a. Bersungguh-sungguh, menuntut sesuatu dan mendatangnya (Al-FayyĒmi, t.th). Al-Zubaydi menukilkan kata-kata Ibn Jiniy bahawa inilah asal bagi kalimah *qaĒada* tak kira perbuatan itu secara sederhana atau melampaui batasan (Ibn ManĒĒr, 2003).
- b. Lurus, adil, hampir, memecahkan (Ibn ManĒĒr, 2003).
- c. Terhimpun pada sesuatu (Ahmad ibn Faris, 1969).

Syariah pula merupakan kata terbitan daripada kalimah *shara'na* yang membawa erti agama, jalan dan manhaj (al-Y  bi, 1998). Dari sudut bahasa, perkataan ini mempunyai dua makna utama iaitu jalan yang lurus dan jalan yang menyampaikan kepada air (Ibn al-Ats  r, 1979). Ia juga bererti hukum Islam atau sesuatu yang berkaitan dengan hukum-hukum Islam (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Hukum-hukum Islam yang dimaksudkan ialah peraturan atau ketentuan mengenai kehidupan menurut Islam.

Dari segi syarak, terdapat dua makna yang biasanya digunapakai dalam menjelaskan maksud syariah. Pengertian pertama merujuk kepada segala ajaran yang diturunkan oleh Allah sama ada berkaitan dengan persoalan akidah mahupun hukum-hukum amali. Al-  h  nawi (1998) menjelaskan hal ini dengan menyatakan bahawa syariah ialah apa yang telah disyariatkan oleh Allah untuk para hamba-Nya daripada hukum-hukum yang telah dibawa oleh seseorang nabi daripada para nabi sama ada ia berkait dengan amalan, yang mana ia dinyatakan sebagai hukum-hukum *furu'* dan hukum-hukum amali, segala perbincangan berkaitan dengannya dijelaskan dalam ilmu fiqh. Apa yang berkait dengan persoalan akidah dinamakan sebagai usuludin dan hukum-hukum akidah, segala perbincangan berkaitan dengannya dijelaskan dalam ilmu kalam.

Pandangan yang kedua pula lebih menjuruskan pendefinisan syariah terhadap hukum-hukum amali sahaja iaitu dengan istilah 'hukum-hukum *taklifiyyah* yang berbentuk amali' (Al-  lim, t.th). Pandangan ini yang banyak dipegang oleh ilmuwan Islam terkemudian seperti Mahmud Shaltut, Umar Sulaiman al-Asyqar dan Khalifah Ba Bakar al-Hasan dalam penulisan mereka.

Ternyata definisi bahasa dan istilah syariah ini tidak bertentangan antara satu sama lain serta dapat difahami dengan jelas berdasarkan konteks perbincangannya. Definisi bahasa syariah sebagai jalan yang lurus adalah menepati definisi syaraknya kerana hukum-hukum Islam yang bersifat *taklifiyyah* itu semuanya membawa manusia ke jalan yang lurus serta tiada sebarang penyelewengan padanya. Definisi bahasa syariah sebagai sumber air minum juga menepati kedudukan syariah itu sendiri yang menjadi sumber asas kehidupan manusia. Jika air paling penting untuk kehidupan fizikal, maka syariah paling penting untuk kehidupan mental seseorang.

METODOLOGI PENDEFINISIAN ILMU MAQASID SYARIAH

Para ilmuwan Islam silam tidak memberikan definisi khusus tentang Maqasid Syariah sehinggalah al-Sh  tib   sendiri yang dikenali sebagai orang pertama yang menulis ilmu ini secara lengkap dan terasing dalam satu bidang ilmu pun tidak memberikan definisi terhadapnya. Para ilmuwan usul terkemudian telah memberikan pelbagai definisi berhubung Maqasid Syariah dalam konteks ia sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri. Definisi-definisi yang diberikan adalah tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Ada sebahagiannya yang bersifat umum manakala sebahagian yang lain pula bersifat khusus. Kebanyakan istilah yang digunakan bagi menjelaskan maksud Maqasid Syariah menggunakan kalimah yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang hampir sama.

a. Pendefinisan Secara Khusus dengan Istilah yang Membawa Maksud Hampir Sama

Sebagai contoh, Ibn NŃshĒr (2001) ketika mendefinisikan matlamat umum pensyariatan menggunakan kalimah *al-maŃĒni* dan *al-hikam* iaitu:

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها بحيث لا تختص ملاحظتها
بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة

Maksudnya:

Makna dan hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan pensyariatan hukum atau sebahagian besarnya yang tidak terhad kepada sesuatu kelompok hukum syarak sahaja.

Al-FĒsi (1993) pula menggunakan kalimah *al-ghĒyah* dan *al-asrĒr* iaitu:

الغاية منها والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم وأحكامها

Maksudnya:

Matlamat pensyariatan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya.

Al-RaysĒni (2000) juga dilihat menggunakan kalimah *al-ghĒyah* ketika menghimpunkan istilah Maqasid Syariah, *MaqĒĒid al-ShĒri'* dan *al-MaqĒĒid al-SharŃiyah* di bawah satu definisi iaitu:

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Maksudnya:

Matlamat yang ditetapkan oleh syariat untuk direalisasikan bagi kemaslahatan manusia.

Al-MakhdĒm (t.th) mendefinisikannya dengan kalimah *maĀlah* iaitu:

المصالح التي قصدها الشارع بتشريع الأحكام

Maknanya:

MaĀlah yang dimaksudkan oleh Allah dengan pensyariatan hukum-hukum.

Khalifah Ba Bakar al-Hasan (2019) dan al-Kaylani (2000) pula masing-masing mendefinisikannya dengan mengemukakan kalimah yang agak jarang diguna pakai dalam menghuraikan konsep maqasid iaitu *al-ruh al-NŃmah* dan *al-maŃĒni alghĒiyah* sebagaimana berikut:

الروح العامة التي تسري في كيان الأحكام والمنطق الذي يحكمها ويبرز خصوصيتها وينبئ عن
تميز أسلوبها وتفرد طريقتها وارتباطها بأسسها ومنطلقاتها

Maksudnya:

Ruh umum yang berada dalam entiti hukum dan logik yang memanduinya dan menonjolkan keistimewaannya dan menyatakan kelainan gayanya dan tersendiri caranya dan keterikatannya dengan asas-asasnya dan punca-puncanya.

المعاني الغائية التي اتجهت إرادة الشارع إلى تحقيقها عن طريق أحكامه

Maksudnya:

Makna metafizik yang hendak dicapai dengan kehendak Allah melalui hukum-hukumnya.

Definisi yang dikemukakan al-Durayni pula menurut al-Halibi (2009) menggunakan kalimah yang jarang digunakan, bersifat umum serta memerlukan huraian yang lebih terperinci iaitu:

القسم التي تكمن وراء الصيغ والنصوص ويستخدمها التشريع كليات وجزئيات

Maksudnya:

Satu bahagian (unsur) yang tersembunyi di sebalik gaya bahasa dan nas-nas yang mana syariat menggunakannya secara menyeluruh dan secara juzuk.

Terdapat sebahagian ilmuwan usul yang menggabungkan beberapa kalimah berbeza yang mempunyai maksud yang hampir sama dalam pendefinisian ilmu Maqasid Syariah seperti kalimah *al-maÑÉni*, *al-hikam*, *maĒliĒ*, *sĒmĒt* dan *hadaf* seperti al-Khadimi (2001) yang mendefinisikannya sebagai:

المعاني الملحوظة في الأحكام الشرعية والمترتبة عليها سواء أكانت تلك المعاني حكما جزئيتها أم مصالح كلية أم سمات إجمالية وهي تتجمع ضمن هدف واحد هو تقرير عبودية الله ومصالحة الإنسان في الدارين

Maksudnya:

Makna yang dikenal pasti daripada hukum-hukum syarak dan juga (kesan) yang terhasil daripadanya (hukum-hukum syarak), sama ada makna tersebut adalah hikmah-hikmah secara juzuk atau kebaikan-kebaikan yang menyeluruh atau ciri-ciri yang umum, ia terhimpun demi objektif yang satu iaitu mengzahirkan perhambaan kepada Allah dan masalah manusia di dunia dan akhirat.

Begitu juga dengan definisi Wahbah al-Zuhayli (1986) (*al-maÑÉni*, *al-ahdaf*, *al-ghayah* dan *al-asrar*), Muhammad al-Zuhayli (1998) (*al-gayah*, *al-ahdaf*, *al-hikam*, *al-asrar*), al-Yubi (1998) (*al-maÑÉni* dan *al-hikam*) iaitu:

المعاني والأهداف الملحوظة في جميع أحكامه أو معظمها أو هي الغاية من الشريعة والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها

Maksudnya:

Makna dan objektif yang dikenal pasti dalam keseluruhan hukum-hukumnya atau kebanyakannya atau merupakan matlamat daripada syariah dan rahsia yang diletakkan oleh Allah dalam setiap hukum.

الغايات والأهداف والنتائج والمعاني التي أتت بها الشريعة وأثبتها في الأحكام

Maksudnya:

Matlamat, objektif, hasil dan makna yang datang dengannya syariah dan menisbatkannya dalam hukum-hukum.

المعاني والحكم ونحوها التي راعاها الشارع في التشريع عموماً وخصوصاً من أجل تحقيق مصالح العباد

Maksudnya:

Makna, hikmah dan sebagainya yang diraikan Allah dalam pensyariatan secara umum dan khusus untuk mencapai masalah hamba

Jika diperhatikan kepada definisi-definisi yang disebutkan, kesemua pendefinisian terhasil daripada penulisan para ilmuwan usul kontemporari bukannya ilmuwan usul silam. Pun begitu, hal ini tidaklah menafikan sumbangan para ilmuwan usul silam dalam perkembangan ilmu Maqasid Syariah kerana mereka (para ilmuwan usul silam) lebih memberikan penumpuan terhadap pendalilan beberapa unsur Maqasid Syariah atau terhadap pembahagiannya sahaja berbanding pendefinisian atau pemahaman konsep asas (Al-Yubi, 1998). Mereka juga tidak menggunakan istilah Maqasid Syariah secara khusus sebaliknya menggunakan kalimah-kalimah lain yang mempunyai maksud yang hampir sama. Al-ShÉlibi sendiri yang disebut-sebut sebagai pelopor dalam ilmu Maqasid Syariah tidak memberikan satu definisi khusus berhubung kalimah tersebut.

b. Tidak Mendatangkan Definisi Khusus Sebaliknya Difahami Menerusi Pembahagian yang Digunakan

Para ilmuwan usul kontemporari banyak terkesan dengan ilmuwan silam terutamanya al-Juwayni yang mengemukakan pelbagai istilah yang berbeza berhubung Maqasid Syariah. Walaupun tidak mendatangkan definisi secara khusus, konsep asas dalam pemikiran Maqasid Syariah tokoh ilmuwan seperti al-QarÉfi, al-NÍzz ibn NÁbd al-Salam, al-RÉzi, al-Ómidi, al-Ghazali, Ibn ×ajib, al-BayIÉwi, al-IsnÉwi, Ibn al-Subki, al-Juwayni, al-BaqillÉni, al-QaffÉl al-ShÉshi, al-MÉturÉdi, al-×Ékim al-TirmÉzi sehinggalah al-ShÉfiÑi, masih boleh diteliti menerusi penggunaan istilah atau pembahagian sub topik yang digunakan dalam penulisan mereka.

Sebagai contoh, Ibn Bayyah (2012) membuat rumusan terhadap perbincangan Maqasid Syariah menurut al- ShÉlibi dengan mendefinisikannya sebagai:

المعاني الجزئية أو الكلية المفهومة من خطاب الشارع ابتداءً، أصلياً، أو تابعةً، وكذلك المرامي والمرامز والحكم والغايات المستنبطة من الخطاب، وما في معناه من سكوت بمختلف دلالاته مدركة للعقول البشرية متضمنة لمصالح العباد معلومة بالتفضيل أو في الجملة

Maksudnya:

Makna secara jujuk atau secara menyeluruh yang difahami daripada nas pada permulaannya sama ada ia adalah maksud yang asal atau sampingan. Begitu juga petunjuk, isyarat, hikmah dan matlamat yang dikeluarkan daripada nas syarak dan perkara yang setaraf dengan nas syarak seperti ketiadaan nas dengan pelbagai maksud yang boleh difahami oleh akal manusia yang mengandungi kemaslahatan manusia yang diketahui atau secara umum.

Menurut Hisham SañÉd (2010), ketika mengulas berkenaan pembahagian maqasid yang tiga, al-ShÉlibi ada menyatakan:

تكاليف الشريعة ترجع إلى حفظ مقاصدها في الخلق وهذه المقاصد لا تعدو ثلاثة أقسام:
أحدها أن تكون ضرورية والثاني أن تكون حاجية والثالث تحسينية

Maksudnya:

Pentaklifan syariat itu kembali kepada penjagaan maqasidnya dalam penciptaan dan maqasid ini tidak lari daripada tiga bahagian, pertamanya ÖÉrÉriyyat, keduanya ×Éjiyyat dan ketiganya taÍsÉniyyat.

Al-QarÉfi (2010) pula dalam rumusannya terhadap perbincangan berhubung pembahagian hukum syarak kepada dua bahagian (hukum maqasid dan hukum *wasÉil*) menyatakan bahawa hukum maqasid ialah hukum yang menjadi objektif asal syarak seperti kewajipan haji dan pengharaman zina manakala hukum *wasÉil* ialah hukum yang menjadi jalan untuk melaksanakan hukum maqasid seperti kewajipan bermusafir untuk menunaikan haji dan pengharaman berkhalwat dengan wanita yang bukan mahram bagi mengelakkan zina (Siti Shamsiah Md. Supi, 2017). Dalam perbincangan yang lain, al-QarÉfi menyebutkan bahawa Maqasid Syariah merupakan matlamat mukalaf dan niat mereka yang memberi kesan secara langsung kepada sah atau batalnya sesuatu ibadat dan akad yang dijalankan.

Sudut pandang *maqÉÍidiy al-ÑIzz* (t.th) pula boleh dikesan menerusi karyanya seperti *QawÉÑid al-AhkÉm*, *MukhtaÍar al-FawÉid fi AhkÉm al-MaqÉÍid*, *MaqÉÍid al-Öalah*, *MaqÉÍid al-Sawm*, *ManÉsik al-×aj* dan *ShajarÉt al-MañÉrif*. Huraiannya berhubung perkaitan antara hukum-hakam dan Maqasid Syariah boleh dijadikan sebagai satu asas pemahamannya terhadap definisi Maqasid Syariah iaitu:

ومن تتبع مقاصد الشرع في جلب المصالح ودرء المفاسد حصل له من مجموع ذلك اعتقاد أو عرفان بأن هذه المصلحة لا يجوز إهماله وأن هذه المفسدة لا يجوز قربانها وإن لم يكن فيها إجماع ولا نص ولا قياس خاص فإن فهم نفس الشرع يوجب ذلك

Maksudnya:

Sesiapa yang menuruti maqasid syarak dalam aspek mencapai masalah dan menolak mafsadah, maka akan terhasil baginya satu keyakinan atau pengetahuan bahawa masalah ini tidak harus diabaikan, dan mafsadah ini tidak harus didekati sekalipun tiada nas, ijmak mahupun qiyas khas. Ini kerana pemahaman diri syariat itu mewajibkan hal sedemikian.

Definisi al-Ómidi (1991) pula mungkin boleh difahami menerusi pernyataannya iaitu:

المقصود من شرع الحكم إما جلب مصلحة أو دفع مضرة أو مجموع الأمرين

Maksudnya:

Maksud daripada syarak adalah sama ada mencapai masalah atau menghindari mudarat atau himpunan daripada dua perkara.

Al-GhazÉli (t.th) dalam karya usulnya seperti *al-MustaÍfa*, *ShifÉ' al-GhalÉl* dan *al-MankhÉl* juga banyak menerangkan berhubung konsep Maqasid Syariah. Ketika membahaskan tentang maksud syarak daripada penciptaan manusia, al-GhazÉli menyatakan:

مقصود الشرع من الخلق خمسة وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعها مصلحة

Maksudnya:

Maksud syarak daripada penciptaan ada lima iaitu menjaga agama mereka, nyawa mereka, akal mereka, keturunan mereka dan harta mereka. Maka kesemua perkara yang mengandungi penjagaan terhadap lima usul ini adalah satu bentuk masalah dan kesemua perkara yang meluputkan usul-usul ini juga adalah satu bentuk mafsadah, jadi mencegah mafsadah tadi berlaku dikira satu masalah.

Menurut HishĒm SaŃĒd (2010), perkara yang sama juga disebutkan olehĒzi, al-IsnĒwi dan al-Subki dalam penulisan masing-masing. Pemikiran *maqĒĒdiy* al-GhazĒli sebenarnya terkesan daripada gurunya al-Juwayni yang digelar sebagai orang pertama yang meletakkan asas-asas dalam ilmu Maqasid Syariah. Cumanya, perbincangan *maqĒĒdiy* al-Juwayni tidak dimuatkan dalam satu kitab khusus berbanding tokoh lain seperti al-ShĒĒbi atau al-ŃĒzz ibn ŃAbd al-SalĒm.

Menerusi karya usulnya seperti *al-BurhĒn*, beliau merintis perbincangan maqasid yang tiga iaitu *ĒarĒriyyat*, *ĒĒiyyat* dan *TalĒĒniyyat* (Al-ĒaghĒr, 1994). Begitu juga kitab usulnya *al-Ghiyatsi* yang menekankan tentang istilah dan lafaz-lafaz berhubung ilmu Maqasid Syariah. Ketika mengulas tentang maqasid am beliau menyebut:

ما يعقل معناه ويتول المعنى المعقول منه إلى أمر ضروري لا بد منه مع تقرير غاية الإيالة الكلية والسياسية العامة

Maksudnya:

Perkara yang boleh difikirkan maknanya, makna yang difikirkan tadi merupakan urusan yang dharuri yang tidak dapat tidak perlu ada dengan penetapan matlamat yang menyeluruh dan umum.

Sebelum al-Juwayni, perbincangan ilmu Maqasid Syariah para ilmuwan usul seperti al-BaqillĒny (403H) dalam *al-AĒkam wa al-ŃĒlal*, al-Muqni' *fi UsĒl Fiqh* dan *KitĒb al-BayĒn Ńan FarĒid al-DĒn*, Ibn BĒbawayh QĒmi (381) dalam *ŃĒlal al-SharŃĒi*, Abu al-Ēasan al-AmĒri (381) dalam *al-AŃĒm bi ManĒqib al-IslĒm* dan *al-IbĒnah an ŃĒlal al-DiyĒnah*, Abu Bakr al-AbhĒri (375) dalam *Mas'alah al-JawĒb wa al-DalĒ'il wa al-ŃĒlal*, al-Qaffal al-ShĒshi (360H) dalam *UsĒl al-Fiqh* dan *MalĒsin al-SharĒŃah* dan Abu ManĒĒr al-MĒturidy (333H) dalam *al-SharaŃ* serta para ilmuwan sufi seperti al-HĒkim al-Tirmizi (255H) hanya berkisar dari aspek memperelokkan dan menghiaskan syariat Islam dengan beberapa rahsia daripada hukum kecuali beberapa asas lain yang telah didahului oleh al-ShĒfiŃi (Al-BadĒwi, 2000). Al-Juwayni sendiri dalam perbincangan *maqĒĒdiy* beliau secara khusus atau *usĒliy* secara umum sangat terkesan dengan penulisan al-ShĒfiŃi kerana jika diperhatikan dalam *al-BurhĒn* dan kitab-kitab usulnya yang lain seperti *al-WaraqĒt*, *al-TuĒfah* dan *al-TalkhĒs*, al-Juwayni sentiasa menukulkan pandangan al-ShĒfiŃi secara panjang lebar. Sebagai contoh, ketika membahaskan kefahaman Maqasid Syariah menurut al-ShĒfiŃĒ, al-Juwayni (t.th) telah menukulkan ungkapan al-ShĒfi'i daripada kitab usulnya *al-RisĒlah* iaitu:

كليات الشرع ومصالحها العامة

Maksudnya:

Sifat menyeluruhnya syariat dan kemaslahatannya yang umum

RUMUSAN

Kepelbagaian istilah yang digunakan dalam mendefinisikan ilmu Maqasid Syariah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu seperti keluasan perbendaharaan kata bahasa Arab yang menjuruskan kepada maksud yang sama, sama ada dari sudut bahasa mahupun istilah. Jika wujud perbezaan maksud sekalipun jurangnya adalah tersangatlah kecil, tidak menjejaskan maksud asal yang dikehendaki serta boleh dimurnikan dengan penggunaan kalimah tersebut dalam nas-nas al-Quran, hadis atau syair-syair Arab. Boleh jadi, atas dasar kepelbagaian istilah yang dilihat saling mengukuhkan antara satu sama lain inilah menyebabkan para ilmuwan usul terkemudian seperti al-KhÉdimi mengemukakan lima istilah (*al-maÑÉni*, *al-Íikam*, *maÍÉliÍ*, *sÊmÉt* dan *hadaf*), WaÍbah al-ZuÍayli empat istilah (*al-maÑÉni*, *al-ahdÉf*, *al-ghÉyah* dan *al-asrÉr*) dan MuÍammad al-Zuhayli empat istilah (*al-ghÉyah*, *al-ahdÉf*, *al-hikam* dan *al-asrÉr*).

Kedudukan ilmu ini secara terasing dalam beberapa ruang lingkup perbahasan usul dan fiqh juga mungkin memainkan peranan penting seperti perbahasan dalam bab *taÑlil ahkam*, *maÍÉliÍ mursalah*, *istiÍsan*, *qawÉÑid aÍkÉm* juga perbahasan berkenaan roh atau rahsia di sebalik hukum. Di samping itu, pengaruh penulisan ilmuwan Islam silam seperti al-Juwayni juga mungkin mempengaruhi penggunaan istilah ini. Sebagai contoh, al-Juwayni sendiri dalam penulisan beliau telah merintis perbahasan berhubung istilah-istilah *maqÉÍidiy* seperti *al-maqÉÍid*, *al-qasd*, *al-maqÍad*, *al-maqÍud*, *al-maÉni*, *maÑna*, *al-Íikmah*, *murÉd al-shÉriÑ*, *al-gharad*, *al-maÍÉlih*, *masalahah*, *mahasin al-sharÉÑah*, *maqÉÍÉd al-sharÉah*, *bughyah al-shÉriÑ*, *kuliyat al-shÉriÑ*, *qawÉÑid al-shÉriÑ* dan *al-qÉÑidah al-kuliyah* (Al-BadÉwi, t.th).

Perbezaan juga boleh berlaku apabila definisi yang diberikan oleh para ilmuwan usul hanya meliputi perbahasan tertentu bukannya merangkumi keseluruhan skop perbahasan dalam ilmu Maqasid Syariah. Contoh pendefinisian yang meliputi perbahasan am dan khas ialah definisi yang dikemukakan al-FÉsi yang merangkumkan dalam definisinya lafaz (الغاية منها) yang merujuk kepada maqasid am manakala lafaz (عند كل حكم من أحكامها) yang merujuk kepada maqasid khas.

Definisi yang dikemukakan Ibn ÑÓshÉr sebelumnya hanya meliputi perbahasan *maqÉÍid ÑÓm* bukannya *maqÉÍid khÉs* (Ahmad Mahmud QaÑdÉn, 2013). Ketika mengulas tentang *maqÉÍid khÉs* dalam muamalat, Ibn ÑÓshÉr (2001) menyebut:

هي الكيفيات المقصودة للشارع لتحقيق مقاصد الناس النافعة أو لحفظ مصالحهم العامة في

تصرفاتهم الخاصة

Maksudnya:

Iaitu kaifiat yang dimaksudkan oleh syarak untuk mencapai matlamat manusia yang bermanfaat atau untuk menjaga masalah mereka secara umum dalam urusan mereka yang khas

Definisi al-RaysĒni pula menggunakan lafaz (لمصلحة العباد) yang dilihat hanya menumpukan terhadap matlamat atau *maġlaġah* untuk hamba sahaja. Begitu juga definisi al-YĒbi dengan lafaz (من أجل تحقيق مصالح العباد). Perkara yang sama dilakukan oleh al-NĒolim dan Musfir al-Qahtani dalam definisi masing-masing tetapi tidak dimasukkan dalam penulisan ini. Definisi al-Yubi, al-Hasani, al-Khadimi dan al-Durayni turut dikritik kerana dilihat berlaku pengulangan kalimah yang membawa maksud yang sama, menggunakan frasa yang panjang serta tidak menepati ciri sebuah definisi yang bersifat *jami'* dan *mani'* (Ahmad Mahmud QaġdĒn, 2013).

Boleh dikatakan bahawa hampir kesemua ilmuwan moden yang mengemukakan definisi terhadap ilmu Maqasid Syariah ini tidak sunyi daripada kritikan terhadap definisi-definisi yang digunakan. Pun begitu ia tidak menjatuhkan kedudukan mereka kerana masing-masing mengutarakan definisi berdasarkan sudut pandang yang berbeza.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (2017). Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-ÑÓlim, Yusuf. (T.th). *Al-Maqasid al-ÑÓmah*. Washington: Al-Mañhad al-ÑAlami li al-Fikr al-IslÉmi.
- Al-Ómidi, ÑAli bin MuÍammad. (1991). *Al-IÍkÉm fi UsËl al-AÍkÉm*, Beirut: Al-Maktab al-IslÉmi.
- AÍmad ibn FÉris, Abu al-×ussayn. (1969). *MuÑjam MaqÉyis al-Lughah*. Kaherah: MaÍbaÑah al-Halabi.
- AÍmad MaÍmÉd QañdÉn. (2013). *MaqÉÍid al-ShariÑÉh al-IslÉmiyyah wa ‘IlÉqatuha bi AÍkÉm Fiqh Usrah*, Amman: DÉR al-NafÉis li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Al-BadÉwi, YËsuf AÍmad MuÍammad. (2000). *MaqÉsid SharÉÑah Ñinda Ibn Taymiyyah*, Amman: DÉR al-NafÉis.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat (Harga Ekonomi)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-FayyËmi, AÍmad bin MuÍammad. (T.th). *Al-MilÍbaÍ al-MunËér fi GharËb al-Sharh al-KabËr*, DÉR al-Fikr.
- Al-FÉsi, ÑAliÉl. (1993). *MaqÉÍid al-SharÉÑah al-IslÉmiyyah wa MakÉrimuhÉ*. Al-DÉR al-BayË’: DÉR al-Gharb al-IslÉmi.
- Al-GhazÉli, MuÍammad bin MuÍammad. (t.th). *Al-Mustashfa fË Ñilm al-UsËl*, Beirut: DÉR al-ArqÉm ibn AbË al-ArqÉm.
- Al-×alÉbi, FayÍal SaÑÉd. (2009). *MaqÉsid al-Mukallafin Ñinda al-UsËliyyËn*. RiyÉl: Maktabah al-Rushd.
- HishÉm SaÑÉd (2010). *MaqÉsid SharÉÑah Ñinda ImÉm al-Haramayn*. RiyÉl: Maktabah al-Rushd.
- Ibn AthËr, al-MubÉrak ibn MuÍammad. (2010). *Al-NihÉyah fi GharËb al-×adËts wa al-AtsËr*. Amman: DÉR Ibn al-Jawzi.
- Ibn Bayyah, ÑAbdullah. (2012). *MashÉhid min al-MaqÉÍid*. Al-RiyÉl: Wujuh Publishing & Distribution House.
- Ibn ManÐËr, MuÍammad bin Makram. (2003). *LisÉn al-ÑÓrab*. Beirut: DÉR al-ØÉdir.
- Ibn ÑÓshËr, MuÍammad ÙÉhir. (2001). *MaqÉÍid al-SharÉÑah al-IslÉmiyyah*. Amman: DÉR al-NafÉis
- Al-Ñizz, Ibn ÑAbd al-SalÉm. (t.th). *QawÉÑÉd al-AÍkÉm fi ÍlÉh al-AnÉm*, Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah.
- Al-JurjÉni, ÑAli bin MuÍammad. (1998). *Al-TaÑrËfËt*, Beirut: DÉR al-Kutub al-Ñilmiiyyah.
- Al-Juwayni, ÑAbd al-Malik ibn ÑAbdullah. (t.th). *Al-BurÍÉn fi UsËl al-Fiqh*, Mansurah: DÉR al-Wafa.
- Al-KafÉwi, Abu al-BaqÉ’. (1998). *Al-KulliyËt*. Beirut: Muassasah al-RisÉlah.
- Al-KaylÉni, ÑAbd al-RaÍman. (2000). *Qawaid al-Maqasid inda al-Imam al-Shatibi*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-KhÉdimi, Nur al-DËn MukhtËr. (2001). *Ñilm al-MaqÉÍid al-SharÉÑah*. RiyÉl: Obeikan Publishers & Booksellers.
- KhalËfah BÉbakar al-Hasan. (2019). *Falsafah MaqÉsid al-TashriÑ fË al-Fiqh al-Islamiyy wa UsËlihi*. T.tp: The Prince Ghazi Trust for Quranic.
- Al-MakhdËm, MuÍÍafa ibn Karamatullah. (T.th). *QawÉÑid al-WasÉil fË al-SharÉÑah al-IslÉmiyyah*. RiyÉl: DÉR al-Kunuz Ishbiliya.
- Al-QarÉfi, Abu al-ÑAbbas ShihÉb al-DËn AÍmad ibn IdrËs, (2010). *Al-FurËq*, Riyad: WizËrah al-AwqÉf al-SaÑËdiyyah.

- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. (T.th). Al-JÉmi' li AÍkam al-Qur'an. Beirut: DÉR al-Kutub al-Ñilmiyyah.
- Al-RaysËni, AÍmad. (2000). Al-Fikr al-MaqÉlidi wa QawÉÑiduhu wa FawÉÑiduhu. Al-RibÉI: JarÉdah al-ZamÉn.
- Al-ØaghÊr, ÑAbd al-MajÊd. (1994). *al-Fikr al-UsËli wa IshkÉliyyah al-Sulġah al-ÙibbËyyah fi al-IslÉm*. Beirut: Al-Muassasah al-JÉmiÑiyyah li al-DirÉsat.
- Al-ShirbËni, MuÍammad bin AÍmad. (1994). *MughnË al-Muġtaj ilÉ MaÑrifah MaÑËni al-MinhËj*. Beirut: DÉR al-Kutub al-Ñilmiyyah.
- Al-ÙahÉnawi, Muhammad bin Ali. (1998). *KashshÉf ÍġilÉġat al-FunËun*. DÉR al-Kutub al-Ñilmiyyah.
- Al-YËbi, MuÍammad SaÑad ibn AÍmad ibn MasÑËd. (1998). *MaqÉsid al-SharËÑah al-IslÉmiyyah wa ÑAlÉqatuha bi al-Adillah al-SharÑiyyah*. RiyÉI: DÉR al-Hijrah.
- Al-ZuÍayli, MuÍammad. (1998). *MaqÉsid SharËÑah*. Damsyik: DÉR al-Maktabi.
- Al-ZuÍayli, Wahbah. (1986). *UsËl Fiqh al-IslÉmiyy*. Beirut: DÉR al-Fikr.